



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI**  
**MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT.**

**MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN**  
**WARGA EMAS NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

1. Pada hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bilangan 1 Tahun 2018 yang merupakan platform terbaik bagi membincangkan isu-isu berkaitan warga emas.
  
2. Melalui Majlis ini, syor dan cadangan penambahbaikan akan dikemukakan berhubung sokongan, penjagaan serta pembangunan dan kesejahteraan bagi golongan warga emas.
  
3. Kertas-kertas yang telah dibincangkan dan dipersetujui adalah seperti berikut:
  - (i) Kertas Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara;
  - (ii) Kertas *Ageing Scenario in ASEAN and Malaysia* oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia;

- (iii) Kertas Kajian Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas Di Malaysia oleh Kementerian Sumber Manusia;
  - (iv) Isu dan Masalah Berhubung Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Pendaftaran Pusat Jagaan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
  - (v) Resolusi Persidangan Melestari Kesejahteraan Kanak-Kanak, OKU dan Warga Emas 2018.
4. Antara perkembangan utama berkaitan isu sosial serta usaha memperkasa program warga emas adalah:

### **Mengarusperdanakan Isu Warga Emas dalam Pembangunan Negara**

- 5. Isu sosial dan warga emas terus diberi perhatian di bawah Kajian Separuh Penggal untuk Rancangan Malaysia Kesebelas. Belanjawan 2019 juga telah memberi fokus kepada satu juta rakyat Malaysia yang berumur antara 61 dan 65 tahun yang masih produktif dan aktif menjelang 2020.
- 6. Kerajaan telah mencadangkan supaya caruman mandatori KWSP bagi majikan dikurangkan daripada 6 peratus kepada 4 peratus mulai 1 Januari 2019. Potongan cukai tambahan juga dicadangkan untuk diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Ini adalah langkah-langkah bagi menggalakkan penglibatan golongan warga emas untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara.

## **Rang Undang-undang Warga Emas**

7. Menyedari Malaysia akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030, di mana 15% daripada penduduk bakal terdiri daripada golongan ini, Kementerian akan menggubal akta khusus untuk warga emas.
8. Akta ini bertujuan untuk melindungi kebajikan dan hak asasi warga emas serta mewujudkan sistem sokongan yang diperlukan oleh keluarga dan generasi muda untuk menjalankan tanggungjawab menjaga ahli warga emas di dalam persekitaran kekeluargaan dan komuniti yang lebih harmoni.

## **Cadangan pewujudan *age-friendly city***

9. Persiapan ke arah pencapaian status negara tua menjelang tahun 2030 memerlukan komitmen dan perancangan daripada pelbagai pihak di setiap peringkat, dari Kerajaan Persekutuan ke kerajaan tempatan, komuniti dan warga emas sendiri.
10. Antara hasil Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), UPM pada tahun 2017 adalah untuk memperkasakan peranan kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas.

11. Sehubungan itu, satu projek rintis untuk mewujudkan *age-friendly city* dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) sedang dirancang oleh KPWKM. Tujuan utama projek ini adalah untuk menggalakkan penglibatan penduduk (*public participation*) dalam perancangan tempatan dan seterusnya mewujudkan persekitaran mesra warga emas.

### **Penubuhan 29 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu**

12. Kerajaan akan terus memperkasakan warga emas dalam komuniti melalui penubuhan 29 buah PAWE baharu yang mana sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan pada tahun 2018 di bawah RMK ke-11 di mana setiap PAWE berkenaan menerima bantuan berjumlah RM80,000 bagi pembaikan bangunan dan pembelian peralatan serta RM33,333 bagi tujuan pengoperasian. Pada tahun 2019, JKM akan memastikan mana-mana kawasan parlimen yang masih belum mempunyai PAWE akan diberi keutamaan untuk ditubuhkan.

### **Hala tuju MPPWEN 2019**

13. Majlis ini akan memberi fokus kepada isu-isu yang dibangkitkan di peringkat negeri dan daerah agar ia dapat di bincang dan diselesaikan secara inklusif. Penglibatan EXCO Kerajaan Negeri dan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) dijangka dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasar daripada segi peluasan pelaksanaan program dan matlamat untuk mencapai objektif Dasar Warga Emas Negara.

14. Agenda pemerkasaan MPPWEN akan diteruskan bagi memenuhi hasrat untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada semua warga emas.
15. Kerjasama yang lebih erat antara semua pihak yang terlibat adalah penting dan diperlukan bagi menggalas tanggungjawab dan komitmen untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas di Malaysia.

###

Disediakan oleh:

Sekretariat

Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

14 Disember 2018.